

Tarikh : 13 Mei 2020

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)  
- PERKHIDMATAN KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Selaras dengan Pekeliling Naib Canselor Bil 15 Tahun 2020, pihak UiTM akan melaksanakan pengoperasian UiTM semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa pada 13 Mei 2020.

Untuk makluman YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan, pihak kampus akan mengutamakan perkhidmatan kaunter yang perlu sahaja dan urusan penghantaran dokumen/penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara dalam talian.

Sehubungan itu, sebarang maklumat dan pertanyaan berkenaan urusan berkaitan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan dimohon untuk berhubung terus staf jabatan yang berkenaan melalui email yang boleh dirujuk di laman web rasmi UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Atas kerjasama YBhg. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan mengenai perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan tugas

\*\*\*\*\*

Sazlyra Mohd Arshad  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Pentadbiran  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah  
Pekan Parit Tinggi  
72000 Kuala Pilah  
Negeri Sembilan